

Digitalisasi: PKS tidak boleh ketinggalan

KUALA LUMPUR: Perubahan mendadak terhadap penggunaan internet susulan pandemik Covid-19 membuka peluang bagi perusahaan kecil dan sederhana (PKS) dan usahawan mikro membudayakan era baharu, Revolusi Industri Keempat (IR 4.0) kepada sesuatu yang lebih positif dalam digitalisasi.

Timbalan Ketua Setiausaha Komunikasi Strategik dan Industri Kreatif, Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Shakib Ahmad Shakir berkata, perubahan itu memberi gambaran kesediaan PKS menghadapi cabaran era digitalisasi disambut baik.

“Pada peringkat awal Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), PKS dan semua usahawan mikro berada di rumah dan tidak



SHAKIB AHMAD SHAKIR

dibenarkan keluar untuk bekerja bahkan untuk membeli kemudahan-kemudahan asas. Semua hanya bergantung kepada sumber-sumber seperti perkhidmatan penghantaran makanan dan perkhidmatan pos.

“Kita boleh melihat terdapat

peningkatan dalam aspek digitalisasi sepanjang PKP dan kesediaan PKS untuk menyambut cabaran itu adalah baik namun ia boleh diperkemaskan lagi,” katanya ketika bual bicara Sidang Kemuncak Digital SME bertajuk ‘Malaysia Sebagai Nadi Digital ASEAN’ secara maya di sini, semalam.

Ujarnya, PKS memainkan peranan yang utama dalam ekonomi negara dan menyumbang sebanyak 20 peratus daripada Keluaran Dalam Kasar Negara (KDNK) negara tahun ini.

“Pada tahun 2019, PKS telah menyumbang sebanyak 18.5 peratus dan wujud peningkatan yang sihat sebanyak 1.5 peratus dalam KDNK.

“Daripada jumlah itu, peluang pekerjaan yang wujud seban-

yak 66 peratus adalah daripada PKS. Secara nilainya ia berjumlah RM270 bilion. Sehubungan itu, PKS selaku penjana ekonomi negara tidak boleh ketinggalan daripada perkembangan internet,” katanya.

Pengerusi MDEC, Datuk Dr. Rais Hussin pula berkata, PKS dan usahawan tidak boleh hanya memfokus kepada pasaran Malaysia dan perlu ada kesedaran dalam mengharungi cabaran ekonomi global.

“Ini kali pertama Covid-19 berlaku serentak dan kita mempunyai masalah ekonomi yang besar dan berdepan kemelesetan ekonomi. Ketegangan ekonomi di China dan Amerika Syarikat yang merupakan rakan niaga besar negara memburukkan lagi keadaan ekonomi,” katanya.